

SOALAN NO. 44**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIVARASA A/L K.
RASIAH [SUBANG]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan jika tidak, kenapa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Malaysia belum menandatangani *Convention Relating to the Status of Refugees* ("Konvensyen Pelarian 1951") memandangkan terdapat beberapa peruntukan dalam triti antarabangsa tersebut yang tidak selaras dengan beberapa dasar negara serta undang-undang Malaysia.

Di Malaysia, tiada peruntukan atau takrifan yang khusus dalam perundangan negara yang menyentuh mengenai 'pelarian' termasuk Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]. Golongan 'pelarian' di Malaysia pada dasarnya merupakan pendatang asing tanpa izin ("PATI") yang memegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* ("UNHCR") yang ditadbir melalui Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23 mengenai Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin yang Memegang Kad UNHCR ("Arahan MKN No. 23").

Arahan MKN No. 23 ini bertujuan untuk menetapkan dasar dan mekanisme pengurusan mengenai PATI yang diberikan kad UNHCR. Arahan MKN No. 23 juga mengandungi dasar bahawa PATI yang memegang kad UNHCR dibenarkan untuk tinggal sementara di negara ini atas dasar kemanusiaan dan atas dasar satu-satu kes (*on a case to case basis*).

Kerajaan juga bekerjasama dengan pihak UNHCR melalui penubuhan *Joint Task Force* dalam usaha untuk menangani isu migrasi yang kompleks termasuk isu yang berkaitan dengan pendaftaran dan pengeluaran kad UNHCR kepada mereka yang layak sebelum golongan 'pelarian' ini ditempatkan semula di negara ketiga.

Sekian, terima kasih.